

Sejarah
1249/1
Kertas 1
Julai / Ogos
2026
Satu jam



MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA
NEGERI SEMBILAN

PROGRAM PENINGKATAN AKADEMIK TINGKATAN LIMA
SEKOLAH MENENGAH NEGERI SEMBILAN 2026

SEJARAH

Kertas 1

Satu jam

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU
Arahan

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi 40 soalan.*
2. *Jawab **semua** soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti empat pilihan jawapan, iaitu **A, B, C dan D**. Bagi setiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. **Hitamkan** jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
4. *Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baharu.*

Kertas peperiksaan ini mengandungi 14 halaman bercetak.

[Lihat halaman sebelah

1 Apakah tugas Penghulu Bendahari pada zaman Kesultanan Melayu Melaka?

- A Mengetuai pentadbiran
- B Menguruskan kewangan
- C Menjaga keselamatan kota
- D Mengutip cukai perdagangan

2 Hubungan timbal balik antara raja dan rakyat mengukuhkan pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka.

Antara berikut, manakah peranan rakyat?

- I Memelihara keamanan
- II Mewujudkan perpaduan
- III Menghadiri majlis umum
- IV Menunjukkan taat setia

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

3 Maklumat berikut berkaitan perkembangan nasionalisme di Barat.

Tahun	Peristiwa
1688	Revolusi Keagungan di England
1789	Revolusi Perancis

Apakah faktor yang mencetuskan revolusi tersebut?

- A Penguasaan ekonomi oleh orang luar
- B Penentangan sistem pemerintahan beraja
- C Perkembangan pengaruh ideologi komunis
- D Perjuangan membebaskan penjajahan kuasa asing



SERTAI TELEGRAM @exercise_students

- 4 Pernyataan berikut berkaitan karya kreatif yang terdapat di Tanah Melayu.

- Mari Kita Berjuang
- Angan-angan dengan Gurindam

Apakah isu yang dibangkitkan dalam penulisan tersebut?

- A Menyeru penubuhan persatuan
 - B Menuntut kemerdekaan negara
 - C Memupuk semangat kebangsaan
 - D Menentang tuntutan orang dagang
- 5 Gambar berikut menunjukkan peristiwa pembunuhan Archduke Ferdinand bersama isterinya Sophie.



Apakah kesan daripada peristiwa tersebut?

- A Perang Dunia Pertama
- B Perang Dunia Kedua
- C Keruntuhan sistem monarki
- D Ketegangan kuasa di Eropah

[Lihat halaman sebelah

- 6 Maklumat berikut berkaitan dengan pasukan polis tentera semasa pentadbiran tentera Jepun di negara kita.

- Ditubuhkan untuk menjaga kepentingan pentadbiran tentera Jepun
- Bertindak ganas dan kejam kepada sesiapa yang disyaki anti-Jepun

Apakah pasukan polis tentera tersebut?

- A Koa Kunrenjo
B Malai Baru
C Kempeitai
D Syonan-to
- 7 Raja-raja Melayu menentang Malayan Union kerana merupakan penjajahan mutlak oleh kerajaan British.
Bagaimanakah penentangan tersebut dilakukan?
- I Menggunakan akhbar
II Mengadakan demonstrasi
III Menghantar surat bantahan
IV Menyokong Kongres Melayu
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV
- 8 Mengapakah Sarawak dan Sabah diserahkan kepada British selepas Perang Dunia Kedua?
- A Mengembalikan keamanan
B Mengawal pentadbiran
C Kemelesetan ekonomi
D Kekurangan dana



SERTAI TELEGRAM @exercise_students

- 9 PUTERA-AMCJA telah mencadangkan Perlembagaan Rakyat sebagai alternatif kepada Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948.

Antara berikut, manakah merupakan cadangan AMCJA dalam perlembagaan tersebut?

- I Penubuhan kerajaan pusat yang kuat
- II Penyatuan Tanah Melayu dengan Singapura
- III Pembentukan Majlis Mesyuarat Persekutuan
- IV Pertahanan dan hal ehwal luar negeri
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 10 Maklumat berikut berkaitan kesan penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948.

Pesuruhjaya Tinggi memastikan bahawa raja perlu dirujuk terhadap perkara dalam bidang kuasa Kerajaan Persekutuan.

Apakah kesimpulan yang boleh dibuat berdasarkan maklumat tersebut?

- A Membuka ruang kewarganegaraan
- B Mewujudkan kerjasama antara kaum
- C Mengembalikan kuasa Raja-raja Melayu
- D Melaksanakan sistem Raja Berperlembagaan

- 11 Maklumat berikut berkaitan persidangan yang dianjurkan oleh Gerakan Komunis Antarabangsa di Calcutta, India pada tahun 1948.

- Persidangan Kongres Belia Asia
- Persidangan Parti Komunis India

Apakah gesaan daripada persidangan tersebut?

- A Memulihkan sistem beraja
- B Menentang kuasa imperialis
- C Memansuhkan sistem republik
- D Memperkenal sistem demokrasi

[Lihat halaman sebelah

- 12 Perang Saraf dilaksanakan oleh British bagi menangani ancaman komunis di Tanah Melayu.

Bagaimanakah rancangan tersebut dilaksanakan?

- A Melonggarkan syarat kewarganegaraan
- B Melaksanakan tawaran pengampunan
- C Mengenakan perintah berkurung
- D Memagar kawasan kampung

- 13 Pilih pasangan yang tepat berkaitan portfolio yang terdapat dalam Sistem Ahli.

	Ahli	Portfolio
A	Dato' Onn Jaafar	Ahli Pengangkutan
B	Dr. Ismail Abdul Rahman	Ahli Kesihatan
C	H.S. Lee	Ahli Hasil Bumi
D	E.E.C. Thuraisingam	Ahli Pelajaran

- 14 Antara berikut, manakah kandungan Penyata Jawatankuasa Pelajaran 1956?

- I Kandungan kurikulum yang seragam
- II Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar
- III Sistem pembiayaan pendidikan yang teratur
- IV Pendidikan Sivik diajar secara formal

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 15 Antara berikut, manakah syarat untuk menjadi calon dalam Pilihan Raya Majlis Perundangan Persekutuan 1955?

- I Berumur 18 tahun ke atas
- II Warganegara Persekutuan Tanah Melayu
- III Berpengetahuan dalam bahasa Inggeris dan bahasa Melayu
- IV Tinggal di Persekutuan Tanah Melayu dalam tempoh enam bulan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 16 Apakah peranan kabinet pertama Persekutuan Tanah Melayu yang dibentuk pada tahun 1955?
- A Menjaga kedudukan Raja-raja Melayu
 - B Mengukuhkan kuasa pentadbiran British
 - C Membincangkan isu keselamatan dalam negeri
 - D Menggubal undang-undang pentadbiran Persekutuan
- 17 Kemerdekaan negara kita merupakan hasil gandingan dan kerjasama semua pihak.
Apakah iktibar yang diperoleh daripada pernyataan tersebut?
- A Tabah menghadapi cabaran
 - B Semangat kekitaan yang tinggi
 - C Berani mempertahankan hak
 - D Peka terhadap isu semasa
- 18 Apakah memorandum yang dikemukakan oleh Raja-raja Melayu dalam merangka draf Perlembagaan Persekutuan?
- A Menubuhkan Majlis Raja-Raja
 - B Mengekalkan raja berkuasa mutlak
 - C Mewujudkan sistem Raja Berperlembagaan
 - D Melantik Yang di-Pertuan Agong
- 19 Apakah usaha yang dilaksanakan oleh Jawatankuasa Sambutan menjelang pemasyhuran kemerdekaan?
- I Menonjolkan identiti negara
 - II Menganjurkan kursus protokol
 - III Menghias bandar dengan lampu
 - IV Memperkenalkan bendera kebangsaan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV



- 20 Maklumat berikut berkaitan usaha kerajaan untuk membangunkan negara selepas kemerdekaan.

Tarikh	Peristiwa
25 Januari 1961	Pelancaran Rancangan Buku Merah

Mengapakah rancangan tersebut diperkenalkan?

- A Meluaskan penggunaan tanah
 - B Menyediakan kemudahan asas
 - C Mewujudkan peluang pekerjaan
 - D Menambahkan pengeluaran makanan
- 21 Antara berikut, apakah kepentingan konsep daulat dalam sistem politik Melayu tradisional?
- I Memperkukuh kedudukan raja-raja
 - II Mengikat kesetiaan rakyat terhadap raja
 - III Memperluas peranan golongan pembesar
 - IV Menyekat perluasan pengaruh kuasa asing
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 22 Apakah yang menjadi asas kepada sistem perundangan negara kita?
- A Raja Berperlembagaan
 - B Demokrasi Berparlimen
 - C Perlembagaan Persekutuan
 - D Pembentukan Rukun Negara
- 23 Apakah sistem pemerintahan yang diamalkan di negara kita sebelum kedatangan Barat?
- A Sistem republik
 - B Sistem demokrasi
 - C Pemerintahan beraja
 - D Pemerintahan berpusat



SERTAI TELEGRAM @exercise_students

- 24 Pindaan Perlembagaan Persekutuan 1963 memperkenalkan jawatan Yang di-Pertua Negeri.

Siapakah yang melantik jawatan tersebut?


- A Yang di-Pertuan Agong
- B Mahkamah Persekutuan
- C Mahkamah Tinggi Borneo
- D Ketua Hakim Sarawak dan Sabah

- 25 Maklumat berikut berkaitan legasi Kesultanan Melayu Melaka.

Legasi Kesultanan Melayu Melaka
• Pahang • Perak • X

Apakah X?

- A Negeri Sembilan
 - B Johor Riau
 - C Selangor
 - D Kedah
- 26 Rajah berikut berkaitan pengasingan kuasa dalam pemerintahan negara.




Apakah peranan badan X?

- A Meminda perlembagaan
- B Menggubal dasar negara
- C Melantik jawatan penting
- D Mentafsir undang-undang

[Lihat halaman sebelah

- 27 Maklumat berikut berkaitan pembahagian kuasa Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.



Apakah yang terkandung dalam Senarai Persekutuan?

- A Biasiswa
 - B Perumahan
 - C Kewarganegaraan
 - D Undang-undang Islam
- 28 Senarai berikut berkaitan kerjasama Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.

- Perbadanan Perumahan 1Malaysia (PR1MA)
- Rumah Mesra Rakyat
- Rumah Mampu Milik Johor

Apakah tujuan kerjasama tersebut dilaksanakan?

- A Membina rumah untuk rakyat miskin
 - B Memastikan golongan pertengahan memiliki rumah
 - C Menyediakan rumah yang selesa untuk pegawai kerajaan
 - D Melengkapkan kemudahan awam untuk kesejahteraan rakyat
- 29 Maklumat berikut berkaitan idea untuk menggabungkan Tanah Melayu dengan Indonesia oleh nasionalis Tanah Melayu.

Konsep Melayu Raya

Mengapakah idea tersebut gagal dilaksanakan?

- A Pengumuman dasar Ganyang Malaysia
- B Pengisytiharan kemerdekaan Indonesia
- C Pelaksanaan Pentadbiran Tentera British
- D Pembentukan Persekutuan Tanah Melayu

- 30 Rundingan London dilaksanakan pada bulan November 1961 antara kerajaan Persekutuan Tanah Melayu dengan kerajaan British.
Apakah perkara yang dipersetujui dalam rundingan tersebut?
- A Pindaan draf perlembagaan
 - B Penetapan tarikh pembentukan Malaysia
 - C Pelaksanaan Pilihan Raya Umum Pertama
 - D Penubuhan sebuah suruhanjaya
- 31 Antara berikut, manakah usaha kerajaan bagi memajukan sistem pendidikan di Sarawak dan Sabah selepas pembentukan Malaysia?
- I Membina sekolah
 - II Melatih tenaga guru
 - III Menubuhkan sekolah vernakular
 - IV Mewujudkan pusat latihan vokasional
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 32 Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) ditubuhkan ekoran daripada peristiwa rusuhan kaum yang berlaku pada 13 Mei 1969 di negara kita.
Apakah peranan MAGERAN?
- I Menentukan pentadbiran yang licin
 - II Menggantung sementara penerbitan akhbar
 - III Menyusun semula perkhidmatan penerangan
 - IV Menguatkuasakan perintah berkurung
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV



SERTAI TELEGRAM @exercise_students

[Lihat halaman sebelah

- 33 Pembinaan negara Malaysia berasaskan perpaduan kaum dan integrasi nasional. Apakah maksud integrasi nasional?
- A Rakyat membangunkan ekonomi negara
 - B Perkongsian kuasa yang adil mengikut kaum
 - C Masyarakat pelbagai kaum hidup bersatu padu
 - D Proses merapatkan hubungan masyarakat antara negeri
- 34 Antara berikut, manakah prinsip Dasar Kebudayaan Kebangsaan?
- I Islam menjadi unsur yang penting
 - II Berteraskan kebudayaan rakyat asal rantau Melayu
 - III Bahasa Melayu dijadikan bahasa kebangsaan
 - IV Keutamaan diberi kepada kedaulatan raja
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 35 Maklumat berikut berkaitan strategi Dasar Ekonomi Baru (DEB).
- Menyusun semula masyarakat
- Bagaimanakah strategi tersebut dilaksanakan?
- A Membuka lebih banyak peluang pekerjaan di luar bandar
 - B Menambah lebih banyak kemudahan asas kawasan bandar
 - C Memberi bantuan kewangan kepada penduduk pedalaman
 - D Menghapuskan pengenalan kaum mengikut fungsi ekonomi



- 36 Maklumat berikut berkaitan kemunculan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera.

- Tan Sri Azman Hashim
- Tan Sri Syed Mokhtar al-Bukhari

Apakah kesan daripada kemunculan golongan tersebut?

- A Menyediakan infrastruktur yang berkualiti
 - B Meningkatkan taraf hidup golongan miskin
 - C Menggalakkan pertumbuhan institusi pendidikan
 - D Mengukuhkan pemilikan modal saham bumiputera
- 37 Maklumat berikut berkaitan agensi di bawah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan (UNESCO)

Apakah manfaat yang diperoleh Malaysia melalui pertubuhan tersebut?

- A Bantuan kemanusiaan
 - B Kawalan sempadan diperketat
 - C Memperoleh kemudahan kredit
 - D Pengiktirafan Tapak Warisan Dunia
- 38 Malaysia menjalin hubungan serantau dengan negara-negara di Asia Tenggara.
- Apakah kesan hubungan tersebut?
- A Hasil bumi dikongsi bersama
 - B Kemasukan imigran bertambah
 - C Meluaskan wilayah pentadbiran
 - D Kedaulatan negara terjamin

- 39 Maklumat berikut berkaitan perjanjian ekonomi serantau yang melibatkan Malaysia.

Tahun	Butiran
1992	Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA)

Mengapakah perjanjian tersebut penting kepada negara kita?

- A Menyekat aktiviti penyeludupan
 - B Menghapuskan monopoli kuasa besar
 - C Mengurangkan tarif dan cukai barangan
 - D Meningkatkan nilai mata wang negara
- 40 Isu Antartika merupakan perkara yang disuarakan oleh Malaysia di pentas antarabangsa.

Apakah cadangan Malaysia untuk menyelesaikan isu tersebut?

- A Menjadikan warisan sejagat
- B Mewujudkan pembangunan lestari
- C Menghalang penerokaan secara haram
- D Menubuhkan jawatankuasa bertindak

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT